


BAHAGIAN A
(50 MARKAH)

Jawab mana-mana LIMA soalan daripada bahagian ini

1. a) Pernyataan di bawah berkaitan dengan sebuah perniagaan



- (i) Nyatakan jenis organisasi di atas. (1 markah)
- (ii) Jelaskan kepentingan keuntungan kepada jenis organisasi di (a) (i) (3 markah)
- b) Terangkan sektor perniagaan yang diceburi oleh organisasi di atas. (3 markah)
- c) Jelaskan kaedah perniagaan bagi Organisasi Bukan Bermotifkan Untung (OBBU) (3 markah)
2. (a) Terangkan dua (2) gaya pengurusan yang diamalkan dalam perniagaan. (4 markah)
- (b) Jelaskan dua (2) faktor yang mempengaruhi persekitaran perniagaan. (2 markah)
- (c) Syarikat Zamrud ingin memperkenalkan produknya kepada orang ramai. Nyatakan elemen yang perlu dipertimbangkan oleh Syarikat Zamrud untuk memasarkan produknya. (4 markah)
3. a) Rajah di bawah ini berkaitan dengan asas pembentukan strategi perniagaan.



Nyatakan Y dan Z (2 markah)

b) Nyatakan lima ciri objektif sesebuah perniagaan (5 markah)

c) Jelaskan faktor yang perlu dipertimbangkan untuk menghasilkan visi, misi, dan objektif perniagaan. (3 markah)

4. a) Nyatakan definisi pengurusan sumber manusia. (2 markah)

b) Berikan tiga (3) kepentingan pengurusan sumber manusia kepada organisasi perniagaan. (3 markah)

c) Senaraikan tiga (3) jenis kemahiran keboleherjaan (3 markah)

d) Pecah amanah dan rasuah sering dilakukan oleh pekerja dalam sesebuah organisasi.

Jelaskan jenis kesalahan kakitangan dalam sesebuah perniagaan. (2 markah)

5. Maklumat yang berikut berkaitan dengan Puan Saliza.

Puan Saliza merupakan seorang usahawan produk kecantikan. Selepas 10 tahun memulakan perniagaan, dia ingin mengembangkan perniagaanya ke pasaran antarabangsa. Hal ini menyebabkan perniagaanya memerlukan modal tambahan untuk mengeluarkan produk dalam kuantiti banyak bagi memenuhi permintaan pelanggan. Puan Saliza berhasrat untuk mendapatkan bantuan pembiayaan daripada agensi kerajaan.

a) Nyatakan **dua** agensi kerajaan yang dapat membantu Puan Saliza mengembangkan perniagaannya? (2 markah)

b) Berdasarkan jawapan anda, nyatakan **dua** skim atau dana yang disediakan oleh agensi kerajaan berkenaan? (2 markah)

c) Terangkan sebab Puan Saliza ingin mendapatkan pembiayaan daripada agensi kerajaan. (2 markah)

d) Puan Saliza ingin mendapatkan pembiayaan tersebut, nyatakan prosedur untuk mendapatkan pembiayaan tersebut. (4 markah)

6. a) Nyatakan lima (5) keberuntungan perniagaan kepada usahawan (5 markah)

b) Nyatakan lima (5) kekuatan yang perlu ada pada diri usahawan. (5 markah)

BAHAGIAN B
(30 MARKAH)

Jawab mana-mana **DUA** soalan daripada bahagian ini.

6. Maklumat berikut berkaitan dengan situasi ekonomi di negara S.

Negara S telah mengalami suatu masalah ekonomi yang menjadi semakin serius. Harga barang dan perkhidmatan menurun secara berterusan untuk tempoh dua tahun. Faktor yang menyebabkan keadaan ini berlaku termasuklah factor permintaan jatuh disebabkan oleh penduduk meramalkan harga barang dan perkhidmatan akan terus jatuh. Pembeli memilih untuk menangguhkan pembelian.

- (a) Apakah masalah ekonomi yang berlaku di negara S? (1 markah)
- (b) Terangkan faktor-faktor yang menyebabkan berlakunya masalah ekonomi tersebut dalam negara S. (2 markah)
- (c) Jelaskan kesan ekonomi tersebut di negara S. (3 markah)
- (d) Bagaimanakah kerajaan di negara S dapat mengatasi masalah ekonomi tersebut? (9 markah)

7. Merujuk kepada dokumen di bawah.

Syarikat Melati Enterprise			
XXXX Bagi Tiga Bulan Berakhir 31 Mac 2018			
	Jan	Feb	Mac
	RM	RM	RM
Baki b/b	150,000	A	145,900
<hr/>			
PENERIMAAN			
Jualan Tunai	80,000	B	110,000
Pinjaman	10,000	20,000	-
Jumlah Penerimaan	90,000	120,000	C
<hr/>			
PEMBAYARAN			
Kos Jualan	80,000	70,000	95,000
Gaji	D	16,000	13,000
Perbelanjaan Sewa	2,500	2,500	2,500
Faedah	1,900	E	700
Pembelian Aset	25,000	500	-
Jumlah Pembayaran	124,400	89,700	F
<hr/>			
Lebihan / (kurangan)	(34,400)	G	(1,200)
<hr/>			
Baki h/b	H	145,900	144,700

- b) Berdasarkan butiran dalam XXXX bagi Syarikat Melati Enterprise yang dinyatakan dalam jadual di atas, kirakan nilai tersebut. (6 markah)
- c) Berikan 3 kegunaan XXXX bagi sesebuah perniagaan. (3 markah)
- d) Berikan pendapat anda tentang prestasi kewangan di atas. (5 markah)

8. Situasi di bawah menunjukkan seorang usahawan pemilik Syarikat Cuci-Cuci Enterprise yang mengeluarkan produk sabun pakaian berjenama "NgetopBersih".

- Encik Kamarul bercadang untuk mengeluarkan produk sabun mencuci pakaian berasaskan isi kelapa sawit untuk kegunaan harian.
- Produk tersebut telah dijual di sekitar Jasin dan telah mendapat sambutan yang baik.
- Beliau juga bercadang meluaskan pasaran produk tersebut ke seluruh negeri Melaka dan juga secara dalam talian @ online.

Merujuk kepada situasi di atas, jawab soalan berikut:

- (a) Terangkan tiga sumber fizikal yang diperlukan oleh En. Kamarul (6 markah)
- (b) Jelaskan dua tujuan mengurus sumber fizikal. (4 markah)
- (c) Bagaimanakah prosedur mengurus sumber fizikal? (5 markah)

BAHAGIAN C
(20MARKAH)

Soalan ini **WAJIB** Jawab

Encik Ali mengusahakan kedai makan yang menjual mi bandung di Jasin dibantu isterinya Puan Aini. Mi bandung mereka mendapat sambutan hangat daripada penduduk dan juga pekerja pejabat di kawasan berdekatan. Antara tarikan kedai makannya ialah dia menjual pelbagai jenis mi bandung iaitu mi bandung ayam, mi bandung udang, mi bandung sotong, mi bandung ketam dan mi bandung daging. Seorang pelanggan tetapnya, Encik Ahmad berminat untuk menyumbangkan modal dan kepakaran. Beliau juga mencadangkan agar mereka mengusahakan penjualan perencah mi bandung secara besar-besaran.

Idea ini telah mendorong Encik Ali untuk membuat perubahan pada perniagaannya. Beliau hendak mengembangkan perniagaannya ke tahap yang lebih mencabar. Beliau mula menetapkan sasaran untuk membawa produk mereka ke seluruh negara. Encik Ali membina sebuah kilang kecil di belakang rumahnya untuk membungkus perencah mi bandung dengan menggunakan label "Perencah Mi Bandung Sedap".

Anak mereka, Amira mencadangkan agar ayahnya membuat promosi yang agresif. Amira juga telah Berjaya memperkenalkan "Perencah Mi Bandung Sedap" kepada kawan-kawannya. Usaha ini telah membuahkan kejayaan yang amat memberangsangkan. Lantaran itu, Encik Ali ingin membesarkan lagi perusahaannya.

Perkembangan perniagaan hanya boleh dilakukan dengan adanya wang modal yang mencukupi. Amira membantu ibubapanya menyediakan Rancangan Perniagaan kerana dia sedar kepentingan dokumen ini. Mereka sepakat berikhtiar dan tidak akan berputus asa untuk mengejar kejayaan yang diimpikan selama ini untuk membawa "Perencah Mi Bandung Sedap" ke seluruh negara.

- a) Jelaskan jenis milikan perniagaan yang diusahakan oleh Encik Ali di kampungnya. (2markah)
- b) Encik Ali bersetuju dengan cadangan Encik Ahmad untuk mengusahakan penjualan perencah mi bandung. Huraikan milikan perniagaan yang sesuai ditubuhkan oleh mereka. (4markah)
- c) i) Mengapakah kejayaan Amira menjadi pendorong kepada Encik Ali untuk memperbesarkan lagi perniagaannya? (4markah)
ii) Cadangkan cara terbaik yang boleh digunakan untuk memperkenalkan "Perencah Mi Bandung Sedap" kepada masyarakat (4markah)
- d) i) Nyatakan dua sifat usahawan selain daripada tidak berputus asa dalam pernyataan di atas.

(2 markah)

- ii) Sejauh manakah rancangan perniagaan dapat membantu perniagaan Encik Ali ini untuk mencapai impiannya? (4 markah)

KERTAS SOALAN TAMAT